# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# SELASA , 17 APRIL 2018

1. MARDI' KK CATTLE BREED PROVIDES LUCRATIVE RETURNS – THE SUN
2. 36 NELAYAN DARAT EMPANGAN SEMBRONG TERIMA ELAUN SARA HIDUP – UM ONLINE
3. 400 PESAWAH TERIMA BANTUAN RM620,046 – UM ONLINE
4. TEMBIKAI DARI UBAI TEMBUSI PASARAN DUBAI – ASTRO AWANI
5. TEMBIKAI UBAI TEMBUSI PASARAN DUBAI – UM ONLINE
6. BOUNTIFUL HARVEST, NEW NIBBLES – THE STAR, 16
7. TERENGGANU HARAP PESERTA TGTP CEBURI SEMAI BENIH KELAPA PANDAN – KOSMO
8. CENDAWAN SEKALI SETAHUN, SETEMPAT – SH, 37
9. RAMLI'S PICKLED FISH GETS BOOST, NATION – NST, 19

*UKKMOA*

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI**
**(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/4/2018 | THE SUN | ONLINE | |

# Mardi's KK cattle breed provides lucrative returns

Posted on 16 April 2018 - 05:08pm
*Last updated on 16 April 2018 - 06:54pm*




Agriculture and Agro-based Industry Minister, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek.

**KUALA LUMPUR**: The Malaysian Agricultural Research and Development Institute (Mardi) has produced a new breed of cattle called the Kedah-Kelantan (KK) breed which has the potential of providing lucrative returns to small and medium-scale livestock breeders.

Agriculture and Agro-based Industry Minister, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek said the size of the KK breed was comparable to that of imported cattle.

"The research which started in 2006 has managed to produce this crossbred cattle, the weight of which could reach 430 to 460 kg for the male and 220 to 250 for female aged three to four years," he said at the official launch of the KK cattle breed and Kemaman Meat Valley on Saturday.

This breed is more popular and preferred by the local breeders as it has certain characteristics like being more resilient to weather conditions (hot and humid) and diseases, having a high birth rate of over 90% per year, low mortality rate of less than two percent, and incurring a low production cost as the KK breed is productive while requiring moderate-quality feed.

Ahmad Shabery said by using technology, artificial insemination could be carried out to increase the population of the KK breed at a fast pace.

On the Kemaman Meat Valley, he said this district with the highest number of KK breed cattle in the country at 18,000, was most suitable to be developed into a major beef producing area.

"The economy of the local people will also improve with increasing demand for beef from the cattle farms in Kemaman district," he said.

*— Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/4/2018 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# 36 nelayan darat empangan Sembrong terima elaun sara hidup



BATU PAHAT 15 April - Seramai 36 nelayan di empangan Sembrong menerima Elaun Sara Hidup Nelayan Daratb( ESHND) berjumlah RM86,400 setahun bagi meringankan beban hidup mereka.

Majlis penyampaian elaun sara hidup secara tunai itu diadakan sekitar Tasik Sembrong yang disempurnakan Ketua Pengarah Perikanan Malaysia, Datuk Munir Mohd Nawi.

Yang hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Dr. Ismail Bakar; Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Datuk Mohd Anim Hosnan dan Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang,Hamzah Bahari.

Berucap pada majlis itu, Munir berkata, pada 2017 kerajaan menyalurkan bayaran sara hidup sebanyak RM95,000 yang melibatkan 306 komuniti nelayan darat sepanjang tahun lepas.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/4/2018 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# 400 pesawah terima bantuan RM620,046

**Asma Hanim Mahmood**

16 April 2018 5:40 PM



KELANTAN BACHOK 16 April 2018 - Tiga pesawah yang turut menerima bantuan (dari kiri) Wan Adnan Wan Mohamed, 56; Mohd Noor Salleh, 59 dan Ismail Su, 73 ceria di majlis penyampaian Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi KADA Jajahan Bachok di pejabat di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sri Gunong di Bachok hari ini.

BACHOK 16 April - Seramai 400 pesawah di Bachok yang gagal menuai hasil padi akibat musibah banjir pada hujung tahun lalu menerima bantuan sebanyak RM620,046 daripada Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) di bawah program Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi.

Ahli Lembaga Pengarah KADA, Datuk Dr Illias Hussain berkata, kira-kira 600 hektar kawasan padi di jajahan ini terjejas apabila padi yang telah masak tidak sempat dikeluarkan sebelum banjir melanda.

“Kita mengesyorkan agar pesawah mengikut jadual menabur benih dan menuai padi bagi mengurangkan kerugian pada masa hadapan.

“Kerajaan sangat prihatin dengan golongan petani, kalau mahu kira dari sudut ekonomi sebenarnya pesawah tidak mampu tanam padi jika kerajaan tidak jalankan tanggungjawab untuk menolong.

“Sebab itu kita bantu semuanya sama ada benih, baja, jentera pembajak dan sebagainya malah hari ini kita tampung pula hasil yang hilang,” katanya ketika ditemui selepas majlis penyampaian Bantuan Tabung Bencana Tanaman Padi KADA Jajahan Bachok di pejabat di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Sri Gunong di sini hari ini.

Yang turut hadir, Pengarah Bahagian Pertanian KADA, Abdul Halim Salleh; Ketua Pegawai KADA Jajahan Bachok, Mohd Nasir Mustapha dan Ahli Lembaga Pengarah PPK Sri Gunong, Radzuan Hamat. - UTUSAN ONLINE

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/4/2018 | ASTRO AWANI | ONLINE | |

# Tembikai dari Ubai tembusi pasaran Dubai

**April 17, 2018 05:56 MYT**



Shafik Fauzan Sharif (kanan) meletakkan pelekat 'Ubai Melon' pada buah tembikai selepas menyempurnakan Majlis Pelancaran Hantaran Tembikai Ubai Ke Dubai di Kampung Ubai pada Isnin. - Bernama

**KUANTAN**: Jika sebelum ini durian Musang King, nangka madu dan manggis dari negeri ini berjaya menembusi pasaran antarabangsa sehingga ke China dan Eropah, kali ini tembikai dari Ubai, Pekan pula memasuki pasaran Dubai.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani Pahang, Datuk Seri Shafik Fauzan Sharif berkata Kampung Ubai dipilih sebagai lokasi pelancaran 'Tembikai Dari Ubai Ke Dubai' kerana ia merupakan kawasan penanaman utama tembikai di Pahang.

"Kampung ini telah menjalankan aktiviti penanaman tembikai sejak 30 tahun lalu dan seramai 38 orang penduduk di sini terlibat dalam penanaman buah tersebut di kawasan seluas hampir 29 hektar.

"Bagi peringkat permulaan, kita akan mengeksport sebanyak 80 tan metrik buah tembikai dari sini ke Dubai dengan empat kali penghantaran sebulan," katanya kepada pemberita selepas majlis pelancaran program 'Tembikai Dari Ubai ke Dubai' di Balai Raya Kampung Ubai di sini pada Isnin.

Turut hadir Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Mansor Omar dan Pengarah Jabatan Pertanian Pahang Yusof Sultan.

Shafik Fauzan berharap program itu dapat menarik lebih ramai penduduk terutamanya golongan muda untuk terlibat dalam bidang pertanian bagi meningkatkan taraf hidup mereka.

"Program ini juga diharap dapat memberi impak berganda kerana ia merupakan projek sentuhan kerajaan kepada rakyat melalui pertanian sekali gus menyumbang kepada meningkatkan pendapatan rakyat," katanya.

Beliau turut berharap program tersebut akan dapat menjadi satu lagi ikon tarikan untuk daerah Pekan.

-- BERNAMA

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/4/2018 | UTUSAN MALAYSIA | ONLINE | |

# Tembikai Ubai tembusi pasaran Dubai

Kejayaan cemerlang projek pertanian di bawah NBOS

**Nurul Nadira Shaari**

17 April 2018 3:00 AM




SHAFIK FAUZAN SHARIF (tengah) dan Mansor Omar (tiga dari kanan) bersama para penerima insentif dalam Majlis Pelancaran Hantaran Tembikai Ubai ke Dubai di Balai Raya Kampung Ubai, Kuantan, Pahang, semalam.

KUANTAN 16 April - Sebanyak 80 tan tembikai yang diusahakan pekebun di Kampung Ubai, di sini melalui Projek Penanaman Tembikai di bawah Program Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) dieksport untuk pasaran Dubai setiap bulan.

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Datuk Seri Shafik Fauzan Shariff berkata, kejayaan itu berikutan inisiatif kerajaan bersama agensi di bawah NBOS meningkatkan tahap penanaman tembikai di situ sehingga mampu menembusi pasaran antarabangsa.

“Saya difahamkan legasi penanaman tembikai di kampung ini telah lama dilaksanakan iaitu sejak tiga generasi dan ia adalah usaha pelbagai pihak bagi menghasilkan produk kampung untuk dieksport ke luar negara.

“Selain itu, usaha ini juga mendapat sokongan daripada Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah sendiri yang turut mengusahakan beberapa peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk memudahkan penjualan tembikai di Kampung Ubai, terutama di sekitar kampung,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas Majlis Pelancaran Hantaran Tembikai Ubai Ke Dubai dan Majlis Menandatangani Perjanjian Persefahaman antara Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Melon Master Sdn. Bhd. di Balai Raya Kampung Ubai di sini hari ini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Ketua Pengarah Operasi FAMA, Mansor Omar.

Sementara itu, Pengerusi Projek NBOS Tanaman Tembikai Kampung Ubai, Husaini Abdullah berkata, pihaknya menyasarkan sebanyak 400 tan pengeluaran tembikai untuk eksport bagi meluaskan pasaran buah tersebut, sekali gus membantu menambahkan pendapatan pekebun di kampung tersebut.

Menurutnya, banyak bantuan diberikan kerajaan melalui pelbagai jabatan termasuk dari aspek nasihat, bajet dan saluran serta kaedah penyelesaian masalah kepada pekebun.

“Kita dalam usaha meluaskan kawasan tanaman, setakat ini terdapat kira-kira 50 pekebun melibatkan keluasan 108 ekar di kawasan ini sahaja untuk tujuan dieksport.

“Tanaman ini dilaksanakan secara berperingkat-peringkat bagi mendapatkan hasil berterusan dan kami tidak berdepan masalah untuk memenuhi kehendak pasaran dalam dan luar negara,”ujarnya.

Husaini berkata, hasil tanaman kampung itu terus dipasarkan selepas 65 hari dituai dan pihaknya sentiasa menitikberatkan kualiti hasil tanaman.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/4/2018 | THE STAR | NEW NIBBLES | 16 |



## Bountiful harvest

Ahmad Mazani Ngah, a worker at the Hulu Paka Agricultural Centre in Dungun, checking on *kelapa pandan* or fragrant pandan coconut palm. The centre is the largest producer of *kelapa pandan* in the country, with 30,000 seeds produced annually. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/4/2018 | KOSMO | ONLINE | |

# Terengganu harap peserta TGTP ceburi semai benih kelapa pandan

*16 April 2018 5:36 PM*



Muhammad Pehimi.

DUNGUN - Kerajaan negeri berharap ada antara peserta latihan Program Transformasi Siswazah Terengganu (TGTP) berminat untuk menceburi bidang semaian anak pokok kelapa pandan bagi mencapai matlamat pengeluaran 120,000 hingga 150,000 biji benih setahun.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Perusahaan Perladangan dan Komoditi negeri, Datuk Muhammad Pehimi Yusof berkata, setakat ini negeri itu hanya mampu mengeluarkan 30,000 biji benih pokok kelapa pandan setahun di pusat pertanian Hulu Paka di Dungun.

"Jabatan dan agensi kerajaan berkaitan pertanian akan membantu peserta TGTP terlibat, sama ada dalam bentuk pemberian geran, pinjaman modal dan khidmat nasihat sekiranya mereka mahu menjalankan perniagaan semaian benih anak pokok kelapa pandan ini," katanya.

Beliau ditemui selepas merasmikan majlis pelancaran Gelombang Tani Nasional peringkat negeri yang turut dihadiri Pengarah Pertanian Terengganu, Zulkefly Harun di sini hari ini.

Melalui TGTP, semua peserta akan menerima elaun bulanan daripada kerajaan negeri sebanyak RM1,500 sepanjang enam bulan latihan berlangsung dan mungkin dilanjutkan enam bulan lagi mengikut kesesuaian.

Tambah Muhammad Pehimi lagi, penyertaan siswazah Terengganu dalam bidang pertanian adalah antara transformasi untuk golongan itu meningkatkan taraf sosioekonomi seterusnya menggalakkan mereka menjalankan perniagaan dalam bidang berkaitan.

"Bidang pertanian kini adalah antara sumber kekayaan baharu buat siswazah dan golongan belia. Apa yang perlu mereka lakukan ialah memilih jenis tanaman sesuai dan mereka akan dibantu jabatan dan agensi kerajaan sehingga terus berjaya," katanya.

TGTP yang diperkenalkan Oktober tahun lepas adalah penjenamaan semula program Skim Penempatan Siswazah Terengganu (T-GAS) yang memberi peluang kepada golongan graduan meningkatkan kemahiran menerusi pelbagai bidang bagi memenuhi kehendak pasaran kerja.

Antara bidang latihan lain yang ditawarkan ialah pembinaan dan pembuatan, pengurusan, usahawan, pelancongan, perikanan serta penternakan. - Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/4/2018 | SINAR HARIAN | SETEMPAT | 37 |

# Cendawan sekali setahun

JENGKA - Cendawan tahun atau cendawan petir sememangnya sayuran ditunggu penduduk Felda di sini kerana dipercayai tumbuh setahun sekali sahaja.

Abdul Razak Sebudin, 48, dari Felda Jengka 1 berkata, cendawan tersebut dipercayai tumbuh beberapa hari selepas petir dan hujan lebat.

Cendawan itu juga selalunya tumbuh di ladang kelapa sawit, getah atau kawasan berbusut.

Menurutnya cendawan ini yang lebih popular dengan nama cendawan tahun kerana tumbuh hanya sekali sahaja setahun iaitu sekitar Mac dan April.

"Selalunya penduduk kampung ternanti-nantikan cendawan tahun ini apabila tibanya Mac setiap tahun di kebanyakan lokasi ladang. Cendawan tahun ini hanya tumbuh di lorong-lorong menuai di ladang kelapa sawit dan mengambil masa beberapa hari sahaja.

"Cendawan ni paling sedap dimasak dan dimakan semasa kudup belum kembang atau baru kembang. Waktu tu usia yang elok untuk dipetik.

"Selepas beberapa hari



AZAHAR

kalau cendawan ini tidak dikutip maka ia akan layu dan kelopaknya akan hancur dengan sendirinya," katanya.

Seorang lagi penduduk, Salman Nurilah, 38, berkata harga di pasaran jika ada dijual runcit adalah diantara RM3.00 - RM5.00 satu bekas.

Menurutnya, cendawan tahun agak jarang dijual tetapi jika musim kena memang boleh didapati dijual.

"Antara masakan yang sedap ialah resipi goreng kunyit, masak lemak, tumis cili padi, buat sup atau masakan berempah. Rasanya macam sotong kalau buat sup atau rasa ayam goreng jika dimasak dengan betul," katanya.

Foto sumber: AZAHAR.



Salman menunjukkan cendawan yang dikutipnya.



Keadaan cendawan tahun yang mengembang subur menandakan ia sudah matang dan boleh dipetik.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 17/4/2018 | NEW STRAITS TIEMS | NATION | 19 |

SECRET RECIPE

# RAMLI'S PICKLED FISH GETS BOOST

## Company's output increases after receiving 2 frying machines from Fisheries Development Authority

ANGKUN KIDRI
**PAPAR**
cnews@nstp.com.my

USING his family's secret recipe and support from government agencies, a young entrepreneur from Kampung Biau, Bongawan, here, is able to market his traditional spicy fried pickled fish to supermarkets statewide.

Ramli Patera, 30, who founded Ma'Kalas Food, said he had initially planned to produce the pickled fish only for his family and the villagers, but then decided to expand his market.

When he first came up with the idea in 2013, Ramli, assisted by his parents and sister, faced difficulties in marketing his products in huge quantities as he had limited access to proper equipment.

However, he said, production increased drastically after his company received two frying machines, worth RM10,000 each, from the Fisheries Development Authority of Malaysia (LKIM).

"The demand for our product increased but we were unable to meet it until we got help from LKIM.

"One of the frying machines can produce spicy pickled fish and the other, the non-spicy variant.

"With this assistance, we are able to produce 1,000 bottles of pickled fish a month."

Other than LKIM, Ramli said the Sabah Industrial Development Ministry, through its Partnership and Outsourcing Service Programme, helped him sell his products to a wider target market statewide.

He said since the ministry assisted most small- and medium-sized enterprises, his product was sold in supermarkets and hypermarkets in the state, including G-Mart, Golden Dragon City and Bataras.

"Ma'Kalas Food products are sold throughout the state, not only due to my family's efforts to develop the business, but also thanks to government assistance given to entrepreneurs."




*Ma'Kalas Food founder Ramli Patera showing his products at his store in Papar recently.* FILE PIC

Ramli's success garnered the attention of Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek and Foreign Minister and Kimanis member of parliament Datuk Seri Anifah Aman last year.

Both leaders visited the company's production centre in Kampung Biau last year to assess its potential for nationwide and international sales.

The company's pickled fish comes in either 150g or 200g bottles, with three flavours — traditional, spicy and original. A bottle serves up to 15 people.

Ramli said his company would focus efforts on increasing production and expanding its market reach.